

Kawalan harga barangan keperluan **Nasib peniaga harus diambil kira**

CHANGLOON, Jumaat — Kerajaan perlu mengambil kira kos tanggungan peniaga sebelum memasukkan barang keperluan lain dalam senarai barang kawalan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, harga barang keperluan boleh dikawal, tetapi dalam masa yang sama kerajaan juga mesti menjamin yang peniaga mendapat keuntungan.

"Kalau kita kawal barang itu, tetapi peniaga membelinya dengan harga yang lebih tinggi, susahlah peniaga," katanya kepada pemberita selepas majlis perhimpunan rakyat di Sekolah Menengah Canglion di sini, hari ini.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan tetap akan mengawal harga barang dengan menaikkan harga minyak secara berperingkat berikutan krisis di Teluk.

"Kita tidak akan menaikkan harga minyak secara mendadak mengikut kenai-

kan komoditi itu di pasaran antarabangsa kerana tidak mahu rakyat menderita," katanya.

"Dengan tidak menaikkan harga minyak, peniaga tidak ada sebab untuk menaikkan harga barang," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap persatuan pengguna menyokong usaha kerajaan untuk mengawal harga barang, termasuk menasihatkan orang ramai supaya tidak membeli barang yang tidak perlu.

Malapetaka

Berucap di Masjid Kampung Imam, Padang Perahu dekat sini pula, Perdana Menteri mengulangi pendirian kerajaan Malaysia yang mahu krisis di Teluk diselesaikan secara rundingan di kalangan negara Islam.

Menurutnya, Malaysia juga mahu Iraq mengembalikan Kuwait dan jangan membuat ancaman terhadap Arab Saudi.

Di majlis itu, beliau juga meminta rakyat bersyukur dan mengelakkan malapetaka supaya dapat hidup bahagia.

Menurutnya, umat Islam juga harus menjadikan tragedi terowong al-Muaissem di Mina Julai lalu, sebagai pengajaran untuk mematuhi peraturan apabila menunaikan haji pada masa akan datang.

"Jangan kita sengaja mencari maut, sebaliknya perlu mencari jalan bagi mengelak perkara macam itu," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri menunaikan sembahyang Jumaat bersama kariah di kampung berkenaan. Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff, turut hadir.

Datuk Seri Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang pulang ke Kedah semalam untuk mengadakan lawatan dua hari, berlepas ke Kuala Lumpur, petang ini.